

**Defisit 3 Peratus Menjelang 2015 Boleh Dicapai, Kata Kementerian Kewangan  
Bernama  
1 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 1 Okt (Bernama) -- Sasaran kerajaan untuk mengurangkan defisit fiskal kepada tiga peratus menjelang 2015 boleh dicapai, kata Kementerian Kewangan.

Ketua setiausaha Datuk Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah berkata dasar kerajaan adalah jelas dalam mengurangkan defisit dan defisit sejumlah RM35 bilion setakat ini masih boleh ditangani.

"Dari segi perbelanjaan, kami telah membuat perkiraan dan itulah sebabnya kami mengumumkan peruntukan kerajaan sebanyak RM251 bilion dalam Belanjawan 2013. Kami amat komited untuk mencapai sasaran itu," katanya kepada pemberita selepas Dialog Pasca Belanjawan 2013 Persatuan Ekonomi Malaysia, di sini Isnin.

Sementara itu, Ketua Pakar Ekonomi Kumpulan RAM Holdings, Dr Yeah Kim Leng berkata kerajaan mempunyai rancangan yang betul untuk menetapkan sasaran jangka sederhana itu dan inilah yang cuba dicapai oleh sektor swasta dan agensi penarafan dalam pelan jangka sederhana hingga panjang, iaitu memastikan belanjawan yang seimbang.

"Kita juga kini melihat beberapa reformasi fiskal sedang dilaksanakan untuk memastikan daya tahan fiskal dan kebimbangan ini masih terkawal," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=698801>